

Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Merotan Ke Atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Disiplin Di SMK Ulu Tiram, Johor Bahru

Zainudin Bin Abu Bakar & Jani Bin Tawil

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Masalah disiplin di sekolah sering menjadi bahan perbualan. Tindakan guru-guru mengambil tindakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan disiplin kerap dipertikaikan oleh ibu bapa. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin di SMK Ulu Tiram, Johor. Terdapat dua objektif utama kajian ini iaitu mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan dari segi disiplin dan juga salah laku berat. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik untuk memperolehi data yang dikehendaki dalam kajian ini dan data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)* for Windows versi 11.5 untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Seramai 94 responden yang terdiri daripada ibu bapa pelajar telah menjawab soal selidik yang diberikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan dari segi disiplin dan salah laku berat berada pada tahap sederhana. Ini bermakna hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan masih lagi sesuai dilaksanakan di sekolah tetapi ia perlulah dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan.

Katakunci : persepsi ibu bapa, hukuman merotan, kesalahan disiplin pelajar

Pengenalan

Masalah salah laku di kalangan pelajar adalah merupakan salah satu perkara yang mendatangkan kesan tidak baik kepada pihak sekolah khususnya dan masyarakat secara amnya. Jika perkara seperti ini tidak dapat dibendung dengan segera, ia mungkin akan mendatangkan kesan yang lebih buruk lagi kepada negara kita. Menurut kajian yang dijalankan oleh Wan Yusoff (2002) mendapati bahawa ibu bapa dan guru-guru sekolah menganggap masalah salah laku sebagai masalah disiplin nombor satu di sekolah.

Tujuan disiplin bukan semata-mata untuk mengenakan hukuman ke atas pelajar tetapi dalam pengertian yang lebih meluas disiplin adalah bertujuan untuk membantu pelajar belajar dengan lebih selesa, berinteraksi dengan kawan-kawan dengan lebih mesra serta membantu mereka agar lebih terarah dan bertanggungjawab. Pelajar akan mematuhi disiplin sekiranya ia bertujuan untuk membantu mereka mencapai kejayaan tetapi sebaliknya akan menolak disiplin sekiranya ia dipaksa dan bertujuan menghukum mereka. Duke dan Canady dalam Mohd Ismail (2006: 6) menyatakan:

In schools where the headteachers emphasized punishments rather more than rewards, pupil's progress tended to be inhibited: the greater the number of punishments listed, the more negative were the effects. In contrast, whenever the number of rewards exceeded the number of punishments, progress was greater'.

Mengikut pekeliling dan peraturan sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, salah laku pelajar boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu kesalahan berat, kesalahan sederhana dan

kesalahan ringan. Di antara contoh-contoh kesalahan berat di sekolah ialah membawa, menyimpan atau menghisap dadah, bergaduh, biadap terhadap guru dan lain-lain.

Kesan daripada masalah disiplin pelajar yang semakin meningkat saban tahun menyebabkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pekeliling Peraturan Dan Hukuman 2002, melaksanakan beberapa peraturan dan hukuman yang setimpal bertujuan untuk membendung segala salah laku pelajar daripada terus berleluasa. Di antara hukuman yang dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui pihak sekolah ialah hukuman rotan, gantung sekolah, buang sekolah, surat amaran, denda, tahanan dan lain-lain yang bersesuaian.

Seterusnya menurut Abdullah Nasih Ulwan dari Ibn. Amr bin Al-Ash ra lagi, hukuman rotan adalah agar anak dapat mempelajari hukum-hukum ibadah sejak dari pertumbuhannya dan sehingga kanak-kanak ini membesar ia akan terbiasa dan berdisiplin untuk mentaati Allah. Seterusnya anak ini akan mendapat kesucian roh, kesihatan jasmani, kebaikan akhlak di dalam ibadah yang dilakukan.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang dinyatakan, kajian yang akan dijalankan lebih menumpukan kepada beberapa persoalan yang berkaitan dengan persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar dari segi disiplin, salah laku berat dan juga kesan yang mungkin berlaku. Kesesuaian ini akan dilihat dari sudut persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan yang dijalankan oleh pihak sekolah ke atas pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan .

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan dari segi disiplin.
2. Mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan dari segi salah laku berat.

Kepentingan kajian

Kajian yang akan dijalankan kelak akan dapat menjadi panduan atau landasan bagi pihak pentadbiran sekolah untuk melaksanakan hukuman rotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin. Walaupun hukuman rotan ini ada termaktub dalam salah satu tindakan yang dibenarkan tetapi kesesuaiannya harus dikaji . Ini bagi memastikan hukuman yang dijalankan kelak akan mendatangkan pengajaran dan mencegah pelajar dari melakukan kesalahan tersebut. Selain itu ia juga adalah untuk memastikan keyakinan dan kepercayaan ibu dan bapa bahawa hukuman tersebut adalah berbentuk pendidikan dan bukannya tindakan emosi atau bentuk penderaan oleh guru-guru.

Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk deskriptif. Ia menggunakan kaedah soal selidik melalui borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Borang soal selidik akan diedarkan kepada responden untuk mengetahui persepsi responden terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin. Ianya sangat penting untuk meninjau persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan kepada pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan-kesalahan disiplin. Data yang diperolehi dianggap penting kerana kesimpulan dan keputusan daripada kajian akan dapat ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif.

Responden kajian

Responden kajian ini adalah terdiri daripada ibu bapa para pelajar tingkatan 4. Pemilihan responden dilakukan dengan memilih pelajar-pelajar daripada 5 buah kelas tingkatan 4 Sains dan Sastera di SMK Ulu Tiram seramai 255 orang. Melalui mereka ini soal selidik diedarkan dan disampaikan kepada ibu bapa mereka. Kumpulan pelajar ini merupakan pelajar-pelajar yang pernah dan tidak pernah menerima hukuman rotan dalam apa jua kesalahan.

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang dikemukakan kepada responden. Satu set borang soal selidik telah direka bentuk oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan dengan kajian.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999) soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain keterangan latar belakang. Soal selidik lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik. Ia juga digunakan untuk mendapatkan data yang tepat dan mudah untuk diproses bagi menganalisa data. Responden juga diberikan kebebasan untuk memilih dan menyatakan pendapat serta bebas untuk menilai skor jawapan yang diberikan.

Dalam borang soal selidik tersebut, penyelidik membahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

Bahagian A : Mengandungi biodata berkenaan latar belakang responden iaitu jantina, bangsa, umur, bilangan anak yang bersekolah, pekerjaan, pendapatan sebulan, taraf pendidikan, jenis kediaman, dan cara anak ke sekolah.

Bahagian B : Mengandungi 42 item soal selidik yang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

- a. Persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan dari segi disiplin pelajar di sekolah.
- b. Persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan dari segi salah laku berat pelajar di sekolah.

Kajian rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis telah dilaksanakan bagi menentukan kebolehpercayaan item. Ini kerana set soal selidik adalah modifikasi daripada beberapa item kajian-kajian lepas. Oleh yang demikian, 20 orang ibu bapa yang tidak terlibat sebagai sampel kajian telah dipilih secara rawak sebagai responden.

Kajian rintis ini adalah bagi memastikan item yang dibuat:

1. Dapat difahami dan dijawab berdasarkan kehendak ujian.
2. Menguji keesahan dan kebolehpercayaan alat penyelidikan.
3. Mendapat pandangan dan komen daripada responden mengenai soal selidik ini.

Data kajian rintis kemudian telah dianalisis dengan menggunakan ujian *reliability* pada program *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 11.5. Kebolehpercayaan item-item ini ditunjukkan oleh nilai alpha cronbach 0 hingga 1.0. Semakin besar nilai pekali sesuatu item, maka semakin tinggi darjah kebolehpercayaan item berkenaan.

Analisis Keseluruhan

Penyelidik telah mengelaskan dapatan kajian kepada tiga bahagian dengan berpandukan nilai min yang diperoleh seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Tahap penilaian responden berdasarkan min

Tahap Penilaian	Julat min
Rendah	1.0 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.66
Tinggi	3.67 – 5.00

Berdasarkan jadual 1, nilai min yang tinggi ialah 3.67 – 5.00, manakala nilai min sederhana ialah 2.34 – 3.66 dan nilai min rendah ialah 1.00 – 2.33.

Jadual 2 : Analisa dapatan kajian keseluruhan persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan

Pembolehubah	Min Keseluruhan
Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Merotan Ke Atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Dari Segi Disiplin	3.39
Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Merotan Ke Atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Dari Segi Salah Laku Berat	3.41
Purata Min Keseluruhan Kajian	3.40

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan hasil dapatan kajian keseluruhan persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin memperolehi purata min 3.39 dan berada pada tahap sederhana. Persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan salah laku berat pula memperolehi purata min 3.41 dan juga berada pada tahap sederhana. Purata min keseluruhan kajian pula ialah 3.40. Dapatan ini menggambarkan bahawa ibu bapa bersetuju dengan pelaksanaan hukuman merotan yang dijalankan di sekolah berkaitan disiplin dan salah laku berat tetapi pelaksanaannya perlulah berdasarkan garis panduan khusus, peraturan dan prosedur yang dibenarkan undang-undang.

Perbincangan

Perbincangan huraian ini dibuat secara peringkat demi peringkat berdasarkan jadual item dalam dalam soal selidik bahagian B yang telah diedarkan kepada responden.

Beberapa item telah memperolehi peratus persetujuan yang tinggi dan kebanyakan responden telah bersetuju dengan item tersebut. Diantaranya ialah item 8 dalam jadual 4.18 di mana pihak ibu bapa bersetuju agar garis panduan khusus untuk merotan pelajar disediakan. Sebanyak 80.9% responden bersetuju dengan item ini. Hal ini selari dengan kehendak Kementerian Pelajaran di mana satu panduan khusus telah pun disediakan oleh pihak kementerian iaitu Garis Panduan Baru (Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998).

Selain itu item 2 serta 3 dalam jadual 4.12 dan 4.13 iaitu berkenaan merotan adalah salah satu hukuman berkenaan kesalahan disiplin dan hukuman merotan perlu dilaksanakan di sekolah untuk mengawal disiplin pelajar mendapat peratus persetujuan yang tinggi. Lebih 69% responden bersetuju dengan item ini. Item ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Joseph A. Mercurio dalam Mohd Rashid (2006), bahawa hukuman merotan adalah satu cara untuk membentuk disiplin pelajar dan perlu dilaksanakan di sekolah.

Selain itu pihak responden juga bersetuju dan menyokong item 19 dalam jadual 4.29 iaitu berkenaan hukuman merotan perlu dilaksanakan di tempat tertutup oleh guru yang bertanggungjawab sahaja. Sebanyak 69% responden bersetuju dengan item ini. Perkara ini mungkin disebabkan bahawa merotan dikatakan boleh 'memalukan' dan menjatuhkan maruah pelajar yang dirotan khususnya jika ia dilakukan di hadapan khalayak ramai seperti perhimpunan mahupun di dalam kelas. Hal ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Rashid (2006), bahawa kita perlu melihat maksud 'malu' yang sebenar bagi mengesahkan tanggapan sebenar yang dirasakan oleh orang yang dirotan serta pandangan rakan-rakan yang melihat rakan itu dirotan. Namun sehingga kini tidak ada bukti-bukti saintifik yang menunjukkan bahawa merotan boleh menjatuhkan maruah dan memalukan pelajar sehingga kita terpaksa menghapuskan hukuman ini.

Bagi item 9 dalam jadual 4.19 menunjukkan bahawa sebanyak 69% ibu bapa bersetuju dengan kenyataan bahawa hanya guru tertentu sahaja yang dibenarkan merotan pelajar yang melakukan kesalahan disiplin. Saranan ini mempunyai persamaan dengan tindakan pihak Kementerian Pelajaran yang telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 7/2003 yang menyatakan dengan jelas bahawa hukuman merotan boleh dilaksanakan oleh Pengetua atau Guru Besar terhadap kesalahan-kesalahan tertentu sahaja. Selain itu hukuman ini juga boleh dilaksanakan oleh guru yang diberi kuasa oleh pihak Pengetua atau Guru Besar melalui surat penurunan kuasa.

Bagi item 7 dan 18 berkenaan guru sepatutnya dibenarkan merotan pelajar untuk tujuan disiplin dan hukuman merotan boleh mengurangkan masalah disiplin juga mendapat reaksi yang positif daripada ibu bapa. Merujuk jadual 4.17 sebanyak 60% ibu bapa bersetuju dengan item 7 manakala 57% bersetuju dengan item 18. Perkara ini dengan jelas menyokong pendapat seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Brent North, England dalam Mohd Rashid (2006) yang merujuk bahawa disiplin sekolah-sekolah di Britain sudah tidak dapat dikawal lagi akibat hukuman merotan yang dimansuhkan pada tahun 1986.

Selain itu item 14,16, dan 17 juga tidak mendapat sokongan positif daripada responden. Kebanyakan responden tidak bersetuju berkenaan merotan akan menjadikan pelajar lebih berdaya saing, cemerlang dan berdisiplin. Hanya 14 hingga 36% responden bersetuju dengan item ini. Bagi item 21 dalam jadual 4.31 pula kebanyakan responden berpendapat bahawa hukuman merotan akan menyebabkan pelajar mempunyai perasaan dendam terhadap guru dan sekolah. Walaubagaimanapun hukuman merotan ini perlu juga dilaksanakan di sekolah kerana masih ada lagi ibu bapa yang masih percaya bahawa hukuman ini merupakan satu langkah untuk menyelesaikan masalah disiplin dan amat berkesan.

Merujuk jadual 4.38 berkenaan item 27 iaitu bahawa kerjasama ibu bapa penting untuk mengawal salah laku berat pelajar, pengkaji mendapati bahawa item ini mendapat peratus persetujuan yang tinggi iaitu kadar ibu bapa yang bersetuju sebanyak 92.6%. Sebanyak 5.3% pula tidak pasti manakala yang tidak bersetuju sebanyak 2.2%. Dapatan ini dengan jelas menunjukkan bahawa dalam mengawal salah laku berat pelajar, ibu bapa perlu peka dan dapat memberikan kerjasama kepada pihak sekolah. Ini menyokong kajian yang dijalankan oleh

Abdullah Sani (2008) iaitu dalam mengawal masalah disiplin pelajar yang semakin meningkat, semua pihak perlu bekerjasama dan mengambil langkah yang bijak untuk mewujudkan kesejahteraan pelajar.

Selain itu, item 26 dalam jadual 4.37 juga turut mendapat persetujuan yang tinggi oleh ibu bapa. Sebanyak 73.4% ibu bapa juga bersetuju dengan item ini iaitu berkenaan hukuman rotan boleh dilakukan asalkan tidak mendatangkan kecederaan. 19.1% ibu bapa pula tidak pasti manakala 7.4% tidak bersetuju. Kenyataan ini menyokong takrifan yang diberikan oleh Friedman dan Schonberg dalam Mohd Rashid (2006) iaitu hukuman merotan sememangnya tidak akan mendatangkan kecederaan sekiranya ia bertujuan untuk mendisiplinkan pelajar dan amat bersesuaian. Selain itu hukuman ini juga dijalankan mengikut prosedur dan kaedah yang dibenarkan agar ia memberikan pengajaran kepada pelajar yang melakukan kesalahan.

Walaupun hukuman merotan ke atas salah laku berat masih sesuai dilaksanakan tetapi ibu bapa juga berharap bahawa hukuman ini perlu dilaksanakan untuk salah laku berat tertentu sahaja. Situasi ini merujuk kepada item 28 dalam jadual 4.39 iaitu berkenaan sokongan mereka terhadap hukuman merotan ke atas salah laku berat tertentu sahaja. Sebanyak 68.1% ibu bapa bersetuju, 17% tidak pasti manakala 14.9% menyatakan tidak bersetuju. Dapatan ini menyokong peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran yang telah menyediakan panduan berkaitan hukuman dan kesalahan iaitu Garis Panduan Baru (Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998) di mana pihak sekolah perlu mematuhi prosedur tertentu sebelum mengambil tindakan terhadap pelajar yang melakukan salah laku berat seperti diberi amaran secara lisan, bertulis, denda dan sebagainya. Sekiranya masih lagi berterusan, maka tindakan seterusnya seperti merotan perlu dilaksanakan.

Pihak ibu bapa juga masih berharap agar guru-guru yang terlatih sahaja dibenarkan merotan pelajar yang melakukan kesalahan. Ini dapat dilihat melalui sokongan mereka terhadap item 38 dalam jadual 4.49. Sebanyak 61.7% ibu bapa bersetuju dengan item ini, 22.3% pula menyatakan tidak pasti manakala 15.9% tidak bersetuju. Secara amnya, dapatan ini mempunyai persamaan dengan langkah Kementerian Pelajaran yang telah menyediakan garis panduan kepada pihak sekolah melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 7/2003 sebagai panduan untuk melaksanakan hukuman apabila pelajar melakukan kesalahan.

Melalui kajian ini juga, ramai ibu bapa bersetuju bahawa hukuman merotan berkaitan salah laku berat tidak akan mencederakan pelajar. Ini merujuk kepada item 40 dalam jadual 4.51 yang menunjukkan terdapat 51% ibu bapa yang bersetuju dengan item ini, manakala 36.2% pula tidak pasti dan selebihnya 12.8% tidak bersetuju. Ini menepati dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Rashid (2006) bahawa rotan telah dipilih pada zaman Victoria di England kerana sifat kesederhanaannya iaitu sifat kelenturan dan ketahanan rotan yang tidak menimbulkan kecederaan parah. Selain itu, hukuman yang dijalankan oleh pihak sekolah bukanlah bertujuan untuk mencederakan pelajar tetapi sebaliknya untuk mendidik dan memberi pengajaran kepada pelajar agar tidak melakukan kesalahan lagi.

Rujukan

- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ainon Mohammad. (2007). *Psikologi Ketua*. <http://www.pts.com.my/modules.php> (20 Ogos 2007)
- Berita Harian*. (3 Jun 1994) Sekolah: Masalah Disiplin Dan Tindakan, 12
- Berita Harian*. (14 September 2006) Prosedur Baru Hukum Pelajar, 2.

- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Kamus Dewan Edisi Baru*. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi 3*. (1996) . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mok Soon Sang. (2002). *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Ordinan Pelajaran , 1957 Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 Pekeliling Peraturan Panduan Disiplin & Kesalahan Serta Hukuman Pelajar Sekolah Agama Kerajaan Johor, (2002).
- Rahmah Hamin. (2006). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Ke atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Disiplin Di Sekolah Agama Kerajaan Johor. Tesis Sarjana Muda Fakulti Pendidikan UTM.
- Surat Pekeliling Iktisas Bil:7/2003 . *Kuasa Guru Merotan Murid* . Kementerian Pelajaran Malaysia
- Umran Omar.(Ogos 2000). Kes Pelajar Yang Terlibat Aktiviti Gengster dan Membakar Premis Sekolah. *Majalah Massa*, 5-11.
- Varathan A/L Pachaipan. (2001). Persepsi Para Pelajar Terhadap Punca Kesalahan Disiplin Dan Langkah Untuk Mengatasi: Tinjauan Di SMK Skudai. Tesis Sarjana Muda Fakulti Pendidikan UTM.
- Wan Yusoff Wan Othman. (2002). “*Jejak-jejak Kecemerlangan Dalam Pengurusan Sekolah*” Terbitan Institut Aminuddin Baki.